

Najib Berlepas Dari Dar Es Salaam Ke London
Bernama
1 Julai, 2013

DAR ES SALAAM (Tanzania), 1 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berlepas dari sini malam tadi melakukan lawatan kerja ke London selepas menghadiri Dialog Perkongsian Bestari Global di sini..

Pesawat khas yang membawa Najib dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor berlepas dari terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Julius Nyerere di sini pada pukul 8.25 malam (1.25 pagi waktu Malaysia).

Turut bersama rombongan Najib ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Idris Jala dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali hamsa.

Najib, yang melakukan lawatan kerja tiga hari ke sini, menyertai 14 lagi ketua-ketua kerajaan dan negara dalam dialog tersebut di Pusat Konvensyen Antarabangsa Julius Nyerere.

Dalam dialog tersebut, Najib antara lain berkongsi inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan bagi mempertingkatkan taraf hidup rakyat Malaysia serta pelbagai usaha untuk memacu negara mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Di luar dialog itu, Najib turut mengadakan mesyuarat dua hala dengan Presiden Sri Lanka, Mahinda Rajapakse, Perdana Menteri Algeria, Abdelmalek Sellal, Presiden Uganda, Yoweri Museveni dan Presiden Tanzania, Jakaya Mrisho Kikwete.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=959937>